


Presiden Henry B. Eyring
Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama



Kedamaian dalam Kehidupan Ini

Kepada kita semua yang telah datang ke dalam kefa-
naan, Juruselamat berkata, “Di dunia kamu akan
menderita” (Yohanes 16:33). Namun Dia membe-
rikan janji yang indah ini kepada pengikut-pengikut-Nya
semasa pelayanan fana-Nya: “Kedamaian Aku tinggalkan
dengan kamu, kedamaian-Ku sendiri yang Aku berikan
kepada kamu: kedamaian yang Aku berikan kepada
kamu bukan seperti yang diberikan oleh dunia” (Yohanes
14:27). Ia menenangkan untuk mengetahui bahawa janji
kedamaian peribadi ini diteruskan untuk semua pengikut-
pengikut-Nya hari ini.

Ada di antara kita hidup dalam persekitaran yang indah
dan damai, namun kita sedang mengalami pergolakan
dalaman. Yang lain merasa kedamaian dan ketenangan
yang sempurna di tengah-tengah kehilangan peribadi
yang besar, tragedi, dan cubaan yang berterusan.

Anda mungkin telah melihat mukjizat kedamaian pada
muka seorang pengikut Yesus Kristus atau mendengarkannya
di dalam kata-katanya. Saya telah melihatnya banyak
kali. Kadang-kadang ia telah berada dalam bilik hospital
di mana sebuah keluarga berkumpul di sekeliling hamba
Tuhan yang hampir meninggal.

Saya masih ingat melawat seorang wanita di hospital
beberapa hari sebelum dia meninggal dunia akibat kanser.
Saya telah membawa dua orang anak perempuan muda
saya untuk menemani saya kerana sister manis ini pernah
menjadi guru sekolah Primer mereka.

Ahli keluarganya berkumpul di sekeliling katilnya, ber-
harap untuk berada bersama dia pada saat-saat akhir dia
di bumi. Saya terkejut apabila dia duduk di atas katil. Dia
menghulurkan tangannya kepada anak-anak perempuan

saya dan memperkenalkan kedua-duanya, satu demi satu,
kepada setiap ahli keluarganya. Dia bercakap seolah-olahnya
anak-anak perempuan saya merupakan kerabat diraja yang
menghadap di istana ratu. Dia menemui satu cara untuk
mengatakan sesuatu tentang cara setiap orang di dalam
bilik ialah pengikut Juruselamat. Saya masih ingat kekuatan,
kelembutan, dan kasih sayang dalam suaranya. Dan saya
ingat terasa terkejut dengan senyumannya yang ceria walau-
pun dia tahu masanya dalam hidup ini adalah pendek.

Dia telah menerima keselesaan berkat imamat, namun
dia memberikan kami semua kesaksian hidup bahawa
janji kedamaian Tuhan adalah benar: “Perkara-perkara ini
telah Aku katakan kepadamu, supaya di dalam Aku kamu
beroleh kedamaian. Di dunia kamu akan menderita, tetapi
tabahkanlah hati kamu, kerana Aku sudah mengalahkan
dunia” (Yohanes 16:33).

Dia telah menerima jempukan-Nya, dan kita semua
boleh juga, tidak kira apa pun cubaan dan masalah kita:

“Marilah kepada-Ku, hai kamu semua yang lelah kerana
memikul beban yang berat; Aku akan membebaskan kamu
daripada beban kamu.

“Ikutlah perintah-Ku dan terimalah ajaran-Ku; kerana
Aku ini lemah lembut dan rendah hati: kamu akan menda-
pat kesejahteraan” (Matius 11:28–29).

Hanya dengan mengikuti Juruselamat kita boleh men-
cari kedamaian dan ketenangan dalam cubaan yang akan
datang kepada kita semua.

Doa sakramen membantu kita untuk mengetahui bagaima-
na untuk mencari kedamaian di tengah-tengah kesengsaraan
hidup. Apabila kita mengambil sakramen, kita boleh memutus
untuk setia kepada perjanjian kita untuk mengikuti-Nya.

Kita masing-masing berjanji untuk mengingati Juruselamat. Anda boleh memilih untuk mengingati-Nya dengan cara yang paling menarik hati anda kepada-Nya. Kadangkala bagi saya, ia adalah untuk melihat-Nya dalam minda saya Dia melutut di Taman Getsemani atau untuk melihat Dia memanggil Lazarus untuk keluar dari kubur. Apabila saya melakukan ini, saya dapat rasa dekat kepada Dia dan kesyukuran yang membawa kedamaian kepada hati saya.

Anda juga berjanji untuk mematuhi perintah-perintah-Nya. Anda berjanji untuk membawa nama-Nya ke atas diri anda dan menjadi saksi-Nya. Dia berjanji bahawa apabila anda mematuhi perjanjian anda dengan-Nya, Roh Kudus akan bersama anda. (Lihat A&P 20:77, 79.)

Ini membawa kedamaian dalam sekurang-kurangnya dua cara. Roh Kudus, membersihkan kita daripada dosa kerana Korban Tebusan Yesus Kristus. Dan Roh Kudus boleh berikan kita kedamaian yang datang dari mempunyai kelulusan Tuhan dan harapan akan kehidupan abadi.

Rasul Paulus berbicara mengenai berkat yang indah ini: "Sebaliknya, inilah hasilnya jika orang dipimpin oleh Roh Tuhan: Mereka saling mengasihi, bersukacita, hidup rukun, sabar, berbudi, baik hati, setia," (Galatia 5:22).

Apabila pesuruh-pesuruh syurga menandakan kelahiran Juruselamat, mereka mengisytiharkan, "Termulialah Tuhan di langit yang tertinggi, dan di atas bumi *kedamaian*" (Lukas 2:14; tekanan ditambah). Saya bersaksi sebagai saksi Yesus Kristus bahawa Bapa dan Putera Terkasih-Nya boleh menghantar Roh untuk membolehkan kita untuk mencari kedamaian dalam kehidupan ini, apa sahaja ujian boleh datang kepada kita dan kepada mereka yang kita kasihi.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Eyring mengajar bahawa doa sakramen boleh membantu kita untuk mengetahui bagaimana untuk mencari kedamaian dalam cubaan kita. Mereka mengingatkan kita bahawa apabila kita mematuhi perjanjian kita, kita mempunyai janji Tuhan bahawa Roh Kudus akan bersama kita. Pertimbangkan untuk meminta mereka yang anda ajar bagaimana mempunyai Roh Kudus dengan kita boleh membantu kita mendapat kedamaian. Anda juga boleh berkongsi pendapat atau pengalaman anda bagaimana Roh Kudus membantu anda merasa kedamaian dalam cubaan. Anda mungkin boleh menggalakkan mereka yang anda ajar renungkan pesan ini semasa sakramen minggu ini.

REMAJA

Bagaimana Anda Akan Mengingati Juruselamat Minggu Ini?

Presiden Eyring menggalakkan kita untuk "memilih untuk mengingati [Juruselamat] dengan cara yang paling menarik hati anda kepada-Nya."

Bagaimana anda "sentiasa mengingati-Nya" sepanjang minggu (lihat A&P 20:77, 79)?

Adakah anda mempunyai ayat tulisan suci kegemaran tentang Juruselamat? Anda boleh menanda ayat tulisan suci yang berbeza setiap hari minggu ini dan berkongsi dengan seseorang.

Adakah anda menyanyi lagu rohani atau lagu lain yang menaikkan semangat dalam minda anda apabila rasa sedih? Mungkin memilih salah satu yang adalah khusus tentang Juruselamat minggu ini.

Adakah anda merenungkan kehidupan dan korban tebusan Juruselamat semasa pertemuan sakramen setiap minggu? Anda boleh bersedia untuk sakramen dengan mengingati balik pilihan anda sepanjang minggu ini untuk sentiasa mengingati Juruselamat dan bertaubat daripada masa apabila anda bergelut untuk mengingati-Nya.

Adakah anda berdoa untuk peluang untuk berkongsi Injil setiap hari? Cuba untuk mengadakan perbincangan Injil minggu ini yang memberi tumpuan kepada Juruselamat. Anda boleh memberi kesaksian anda tentang Juruselamat pada malam keluarga atau bercakap dengan kawan di sekolah tentang satu pengalaman yang anda mempunyai di gereja.

Buat matlamat untuk mengingati Juruselamat dengan cara yang istimewa minggu ini. Beritahu ibu bapa, adik-beradik, pemimpin, atau kawan tentang matlamat anda. Pada akhir minggu ini, beritahu mereka apa yang berlaku. Anda akan merasakan kedua-dua kedamaian dan kebahagiaan yang Presiden Eyring cakapkan.

KANAK-KANAK

Datanglah kepada Kristus

Juruselamat telah menjanjikan kepada kita kedamaian apabila kita "datang kepada [Nya]" (Matius 11:28). Ini bermakna mengikuti teladan-Nya dan cuba untuk berada dekat dengan-Nya.

- Memberi penghormatan ketika sakramen.
- Memilih untuk berbuat baik dan tidak menghakimi orang lain.
- Baca tentang Juruselamat dalam tulisan suci.



Iman, Keluarga,
Pertolongan

Kebahagiaan Keluarga Terdapat dalam Kesolehan

Kaji bahan pengajaran ini dengan berdoa dan carikan inspirasi untuk mengetahui apa yang harus dikongsi. Bagaimana pemahaman tentang “Keluarga: Suatu Perisytiharan kepada Dunia” meningkatkan iman anda kepada Tuhan dan memberkati mereka yang anda jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

Tuhan “menubuhkan keluarga untuk membawakan kita kegembiraan, untuk menolong kita belajar prinsip-prinsip yang betul dalam suasana yang berbelas kasihan, dan untuk menyediakan kita untuk kehidupan abadi.”¹ Mengenai “rancangan kebahagiaan yang besar” Tuhan (Alma 42:8), Presiden Russell M. Nelson, Presiden Kuorum Dua Belas Rasul, berkata: “Rancangan-Nya mengisytiharkan bahawa lelaki dan wanita adalah ‘agar mereka boleh berbahagia’ [2 Nefii 2:25]. Kegembiraan itu datang apabila kita memilih untuk hidup dalam harmoni dengan rancangan abadi Tuhan.”²

Sebuah rumah tangga yang berpusat pada Kristus menyediakan peluang besar untuk kejayaan. Elder Richard G. Scott (1928–2015) dari Kuorum Dua Belas Rasul menggambarkan ia sebagai tempat “di mana Injil diajar, perjanjian-perjanjian dipatuhi, dan kasih sayang dipenuhi,” di mana keluarga boleh hidup kehidupan yang taat” dan menjadi “berakar kukuh dalam Injil Yesus Kristus.”³

Presiden Henry B. Eyring, Penasihat Utama dalam Presidensi Utama, berkata: “Kita boleh membuat keputusan bahawa kita akan melakukan

semua yang kita boleh untuk membawa turun kuasa-kuasa syurga ke dalam keluarga [kita].” Dan kami kemungkinan besar menggalakkan kasih sayang, pelayanan, kepatuhan, dan kebahagiaan dalam rumah kita oleh “[anak-anak kita] mendengar firman Tuhan dan kemudian mencubanya dengan beriman. Jika mereka berbuat demikian, sifat mereka akan berubah dengan cara yang menghasilkan kebahagiaan yang mereka cari.”⁴

Rumah Tangga Berpusat Pada Kristus

Kita mempunyai modal-modal peranan rumah tangga yang berpusat pada Kristus dalam kitab suci. Selepas bapanya, Lehi, meninggal dunia, Nefi mengambil keluarganya dan orang lain yang percaya kepada amaran dan wahyu Tuhan dan yang mendengarkan kata-kata Nefi jauh dari tanah bangsa Laman. Di tempat baru ini, bangsa Nefi boleh mentaati penghakiman, peraturan-peraturan dan perintah-perintah Tuhan dalam segala hal, menurut hukum Musa (lihat 2 Nefii 5:6–10). Namun begitu, di dalam kalangan bangsa Nefi, kebahagiaan akhirnya menjadi derhaka.

Dan ahli keluarga kita kadangkala boleh hanyut jauh dari kebenaran seperti bangsa Nefi telah lakukan, Elder Scott berkata bahawa rumah yang berpusat pada Kristus masih “memberikan jaminan yang paling besar untuk kedamaian dan perlindungan di rumah kita.” Dia mengakui bahawa “masih terdapat banyak cabaran atau sakit hati, tetapi walaupun di tengah-tengah pergolakan, kita dapat menikmati kedamaian jiwa dan kebahagiaan yang mendalam.”⁵

Ayat-ayat Suci Tambahan

3 Yohanes 1:4; 1 Nefi 8:12;
2 Nefi 5:27

NOTA

1. *Handbook 2: Administering the Church* (2010), 1.1.4
2. Russell M. Nelson, “Perkahwinan Selestial,” *Liahona*, Nov. 2008, 92.
3. Richard G. Scott, “Demi Kedamaian dalam Rumah Tangga,” *Liahona*, Mei 2013, 30, 31
4. Henry B. Eyring, “Keluarga: Suatu Perisytiharan kepada Dunia,” *New Era*, Sept. 2015, 5, 6.
5. Richard G. Scott, “Demi Kedamaian dalam Rumah Tangga,” 31.

Timbangkan Ini

Apa yang boleh kita lakukan untuk hidup lebih soleh dalam keluarga kita?